

Mahathir mahu pengusaha industri kampung ubah tradisi

MM 24 MAR 1985

Oleh Yahya Ahmad

JERANTUT 23 Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahukan usahawan bumiputera, termasuk pengusaha industri kampung mengubah tradisi perniagaan mereka yang dijalankan secara kecil-kecilan, bagi merebut tempat dalam pasaran moden.

Perdana Menteri berkata, dalam keadaan sekarang, para peniaga tidak lagi boleh menjual dua atau tiga biji raga sahaja atau menghasilkan beberapa batang tongkat dari rotan setahun.

"Kita terpaksa mengubah tradisi dari membentuk perniagaan lama sistem moden yang bukan sahaja mengambil kira mutu barangan tetapi juga jumlah yang dihasilkan untuk memenuhi pasaran luar," ujarnya dalam perjumpaan dengan penduduk Kampung Pasir Durian, dekat sini lewat petang semalam.

Menurut beliau, selama ini orang - orang Melayu mampu menghasilkan barang - barang kraftangan yang unik tetapi ia mengambil masa terlalu lama untuk disiapkan dan keadaan ini tidak lagi sesuai dengan perkembangan sekarang.

Datuk Sri Dr. Mahathir lalu mengesyorkan para pengusaha kraftangan supaya menyusun cara baru dengan menggunakan kaedah moden termasuk penggunaan mesin bagi mendapat pasaran antarabangsa.

Katanya, jenis - jenis jentera yang mudah dan murah boleh digunakan bagi kerja - kerja asas menghasilkan barangan kraftangan walaupun oleh pekerja yang separuh mahir.

Bagaimanapun, kerja - kerja terakhir bagi menyudahkan barangan itu hendaklah dilakukan oleh mereka yang mahir seperti membentuk, ukiran dan lain - lain kerja seni yang memerlukan tumpuan sepenuh hati.

"Dengan cara ini pengusaha kraftangan kita mampu bersaing, di samping dapat menghasilkan jumlah barangan yang banyak tanpa menjejaskan nilai untuk pasaran yang lebih meluas," tambah beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menekankan perlunya usahawan bumiputera menunjukkan kesungguhan dalam usaha mereka supaya tidak sahaja mendapat kepercayaan dari kaum lain, malah juga demi menegakkan maruah orang - orang Melayu sendiri.

"Kita tidak akan dihormati kecuali membuktikan kejayaan dalam usaha kita dengan meningkatkan taraf hidup yang lebih baik dari keadaan sebelumnya," ujar beliau.

Kata Perdana Menteri, orang - orang Melayu tentu tidak mahu dihina oleh sesiapa pun kerana selalu menempuh kegagalan dalam usaha yang mereka lakukan.

Kerana itu, Datuk Sri Dr. Mahathir mahukan mereka berusaha lebih gigih untuk menegakkan maruah dan sekaligus mencapai kedudukan ekonomi lebih terjamin dengan mengeneipkan anggapan negatif terhadap kemampuan usaha mereka.

Sementara itu ketika melancarkan projek kampung tersusun di Kampung Pasir Durian dekat sini, Datuk Sri Dr. Mahathir menggariskan langkah - langkah berkesan bagi membasmi kemunduran kampung tradisional.

Perdana Menteri berkata pusat pertumbuhan yang merangkumi kumpulan berpuluh kampung terpencil akan menjadi kenyataan sekiranya penduduk yang tinggal berselcrak rela berkorban untuk berhijrah ke kawasan baru.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, mereka perlu meninggalkan corak hidup 'di takuk lama' seperti tinggal bertaburan merata tempat dengan sumber pendapatan yang rendah, kecuali rela berkorban untuk menjamin perubahan hidup masa depan yang lebih cerah.

"Kehidupan cara berasingan di kampung - kampung tradisional menyebabkan mereka terus ketinggalan bukan sahaja dari segi ekonomi, bahkan kemudahan asas berbanding dengan kehidupan rakyat di bandar," ujarnya.

Kerana itu, tegas Perdana Menteri, mengumpulkan kampung - kampung tersebut bukan sahaja penting dari segi mengurangkan jurang perbezaan penduduk bandar dan luar bandar tetapi juga menjamin taraf ekonomi mereka serta menyediakan kemudahan asas yang perlu.

"Sekiranya mereka merasakan konsep ini menjamin kehidupan masa depan, wajarlah mereka sendiri menunjukkan sikap rela berkorban meninggalkan kampung halaman asal masing - masing, walaupun dengan hati yang berat," tegas beliau.

Beliau memberi jaminan, kerajaan merancang program itu bukan mempunyai sebarang niat sebaliknya, kerana didorong oleh sikap tanggungjawab untuk mengubah penghidupan daif mereka yang tinggal di kawasan terpencil dan kurang sempurna.

"Tidak ada niat jahat di sebalik rancangan yang semata - mata bertujuan untuk memerangi kemiskinan serta membasmi kemunduran yang masih wujud di desa - desa," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.